

# **JOGET DANGKUNG DAN PERKEMBANGANNYA DI KEPULAUAN RIAU SEJAK 1913 HINGGA ALAF BARU**

*Joget Dangkung and Its Development in the Riau Island since 1913  
up to the New Millennium*

*Anastasia Wiwik Swastiwi & Hanafi Hussin*

## **ABSTRACT**

This article will discuss the special art of joget developed in Riau Island as a famous Malay social dance genre more known as Joget Dangkung. Riau Island is one of Indonesia's provinces located in the southern part of Malaysia and Singapore. Several centuries ago, before the three countries became separate states, it was under the Sultanate of Malay Johor Riau – Lingga. Almost all the Malays in these three countries have similar culture particularly in its art. Even though these three areas were divided by the English-Dutch Treaty in 1824, their friendly relationship still remain up to the present with similar social activities and its art specially the joget dance as one of their dance interaction. It is one of the famous dance interactions among the Malay community living in the coastal areas, far from the palace life where the philosophy of life of a Malay subordinate is seen. However, joget as an art genre has undergone early developments known as Joget Dangkung. It first appeared in the Riau coastal fishing village. Its existence is always awaited by its supporters, particularly during the end of sea season. This can be seen from the lyrics of the songs which always picture the life of a fishing community. Joget Dangkung is still very popular because of its function as a medium of entertainment and its social development aims to show its importance in its own economic group. Because of this, the changes brought many influences particularly its function and more importantly Joget Dangkung is received as one of the traditional art genres until now.

*Keywords:* *Genre, culture, traditional, interaction, development, and entertainment*

## **PENGENALAN**

Kesenian Joget Dangkung di Kepulauan Riau merupakan sejenis tari pergaulan yang berkembang di kalangan masyarakat nelayan Melayu yang kemudiannya diterima di kalangan masyarakat umum. Secara umumnya, ia bermula dari nama joget dan setelah mengalami perkembangan dikenali sebagai Joget Dangkung yang mengambil sempena alat muzik gendang yang berbunyi "dang" dan bunyi "kung" dari alat muzik gong. Nama dangkung merupakan gabungan bunyi dari ketukan kedua-dua alat muzik tersebut yang merupakan dua alat muzik utama bagi kesenian Joget Dangkung ini. Joget Dangkung ini merupakan kesenian yang memadukan gerakan tari dan irungan muzik serta nyanyian yang dimainkan oleh tiga orang pemuzik,

seorang penyanyi dan empat hingga lapan orang penari. Perubahan masa menyebabkan peralatan muzik yang digunakan dalam persesembahan Joget Dangkung mengalami perubahan yang tidak lagi menggunakan gendang dan gong sahaja tetapi telah menggunakan biola (piul) dan lain-lain peralatan muzik. Perubahan kepada peralatan muzik ini menyebabkan nama Joget Dangkung tidak kekal lama dan lama-kelamaan ia bertukar nama kepada joget sahaja. Sepanjang tahun 1913-1963, kesenian Joget Dangkung di Kepulauan Riau berkembang dengan pesat. Pada tempoh masa tersebut kesenian Joget Dangkung tersebar di beberapa buah wilayah iaitu Batam, Dompak, Moro, Pulau Mantang, Pulau Lingga, Pulau Sugi, Pulau Parit, Tanjung Batu, Tanjung Balai Karimun serta Tembeling.

## JOGET DANGKUNG

Joget Dangkung menjadi tari pergaulan masyarakat di Daerah Kepulauan Riau bagi memeriahkan sesuatu majlis keramaian seperti masyarakat Pulau Jawa yang sering mempersembahkan kesenian wayang, jaipongan dan tarub. Walau bagaimanapun kesenian Joget Dangkung tidak hanya tersebar di kalangan masyarakat Kepulauan Riau malah turut tersebar dan terkenal di kalangan masyarakat daratan timur (pesisir) Sumatera dan Kalimantan serta sampai ke Semenanjung Malaysia. Penyebaran kesenian ini ke daerah-daerah lain lebih dikenali sebagai Joget dan di sesetengah tempat dipanggil Joget Tandak, Joget Lambak dan lain-lain. Tarian ini sudah popular sejak abad ke 17 di Tanah Melayu (Sita Rohana, 2001: 781).

Dalam Ensiklopedia tari, Edy Sedyawati (1992: 26) memberikan beberapa ciri tarian joget, pertama, gerak tarian berdasarkan irama lagu yang mengiringinya dengan tangan gemalai dan rentak kakinya perlahan bila iringannya berupa pantun meratapi nasib. Ada pula yang cepat, bertempo 2/4 bila diiringi pantun jenaka atau pantun cinta kasih. Muzik yang mengiringi joget tidak terbatas pada orkestra Melayu sahaja, tetapi boleh juga lagu-lagu pop Barat, kercong, dangdut, gambang kromong, Amerika Latin dan sebagainya. Kedua, joget merupakan salah satu bentuk tarian rakyat tradisional yang popular di daerah Lombok, Nusa Tenggara Barat. Bentuknya dapat dikatakan sama dengan joget bumbung yang popular di daerah Bali. Istilah joget juga digunakan untuk sebutan penarinya. Joget dilakukan oleh seorang wanita. Sedangkan pasangan penari dipilih di antara para penonton yang tampil secara bergilir-gilir yang dipanggil *pengibing*. *Pengibing* diwajibkan memberi *salaman* dengan memberikan honorarium sejumlah wang yang tidak ditentukan kepada penari joget sewaktu hampir selesai menari. Instrumen pengiring tari joget ini disebut gerantang, iaitu gamelan yang dibuat dari buluh. Gerakan dan komposisi tari joget tampak dipengaruhi oleh tari gandrung. Persamaan lainnya dengan tari gandrung ialah penari joget menari bersama *pengibing* sambil menyanyikan lagu Lelaka Lombo. Ketiga, joget merupakan sebuah tari tradisional yang dibawakan oleh dua orang penari wanita pada saat pelaksanaan Upacara Erau di Kraton Bulungan, Kalimantan Timur. Ia dilakukan pada malam hari. Tarian ini dimulai dengan posisi duduk bersimpuh dan mengaturkan sembah. Semasa menari banyak gerak tarian mereka yang menggambarkan cara berhias dengan tangan kanan memegang kipas. Tarian ini diakhiri dengan kedua penari kembali duduk bersimpuh dan melakukan sembah. Joget ini dipersembahkan ketika sultan dan permaisuri menerima tetamu kehormat mereka. Pada waktu ini kedua penari wanita tersebut digendong masuk ke arena

untuk menari di hadapan para tetamu tersebut. Dengan jalan mengambil salah satu barang miliknya, seorang tetamu lelaki dijemput untuk menari bersamanya. Acara ini disebut *ngibing*.<sup>1</sup> Tarian diakhiri dengan tetamu lelaki memberikan wang untuk mendapatkan kembali barangnya tadi. Keempat, joget merupakan tari pergaulan yang biasanya dilaksanakan di dalam pesta umum atau pasar malam. Tarian ini dikatakan berasal dari tari Ronggeng Melayu di kalangan masyarakat Melayu Sumatera Utara. Ia dianggap sebagai tarian hiburan dengan muzik iringannya boleh terdiri daripada alat-alat moden. Kelima, joget merupakan sejenis tari pergaulan yang berasal dari masyarakat Melayu yang hidup sebagai nelayan, tetapi kemudian berkembang pula ke istana raja-raja Melayu Riau. Ia juga turut berkembang sebagai tari pergaulan umum yang juga merupakan sejenis tarian joget yang terdapat di Kepulauan Riau.

Kesenian joget masa itu lazim juga disebut dengan joget "tandak". Ia disebut tandak kerana penari wanita tersebut tidak boleh *diibing* (menari berhadapan) oleh penari lelaki atau yang berminat. Penari lelaki yang membayar disebut penandak atau *pengibing*. Joget juga adalah tarian rakyat dan merupakan tarian pergaulan serta hiburan. Definisi joget di Kepulauan Riau juga adalah orang menari berpasang-pasangan sambil berpantun yang dipersembahkan untuk hiburan para nelayan di pantai. Ketika ini kaum lelaki yang berjoget dengan wanita disebut bertandak (ER.MBY, t.t.: 6). Dengan perkembangan yang berlaku, joget inilah yang dikenali dengan nama Joget Dangkung. Namun tidak dapat dipastikan bila dan siapa yang menciptanya. Namun demikian, di kalangan komuniti nelayan Melayu Kepulauan Riau sejak turun temurun memanggil kesenian ini sebagai Joget Dangkung.

## PERKEMBANGAN JOGET DANGKUNG, 1913-1963

Tarian yang bersifat hiburan di kalangan masyarakat Melayu sudah wujud sejak masa dahulu lagi dengan panggilan ronggeng seperti yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah. Permainan ronggeng dalam hikayat ini dikenali sebagai persembahan hiburan di mana penari lelaki dan perempuan yang menari saling berbalas pantun. Penari ronggeng juga digambarkan oleh Katharine Sim dalam *Pengantar Etnomusikologi dan Tarian Melayu* yang dipetik oleh Tengku Lukman Sinar sebagai penari yang profesional, bersedia dipanggil untuk pertunjukan kabaret mahupun pertunjukan kelas bawah. Wanita muslim yang benar-benar sopan dan menjaga citra dirinya dengan menjadi wanita "terhormat" tidak akan pernah bermimpi untuk tampil di depan umum seperti mereka (penari-penari ronggeng) (Tengku Lukman Sinar, 1990: 84) Berdasarkan kenyataan tersebut, meskipun ronggeng merupakan tarian hiburan yang sangat disukai oleh orang Melayu namun pengaruh ajaran Islam pada orang Melayu tetap kuat. Gadis-gadis yang benar-benar mentaati ajaran Islam tidak bersedia untuk menari menghibur kaum lelaki. Oleh itu, lahirlah penari-penari ronggeng profesional.

Kegemaran orang Melayu akan muzik dan tarian juga pernah diungkapkan oleh orang Portugis ketika mereka menduduki Melaka 1511-1640 M sehingga mereka diusir oleh Syarikat Hindia Belanda (VOC). Seorang penulis Portugis yang terkenal Emanuel Godinho de Eredia menulis dalam bukunya *Infomacio da Aurea Chersoneso, Ou Peninsula, e das Ilhas Auriferas Carbuncular e Aromaticas* (1597-1600) yang dipetik oleh (ER.MBY,t.t:8) mengatakan bahawa secara umum bahawa orang-orang Melayu itu adalah penggembira, sangat suka kepada muzik dan tarian.

Tarian yang dilakukan oleh gadis-gadis tertentu disebut *raiauas* ketika mereka berada di dalam suasana kemewahan dan kesenangan. Selaku pedagang, mereka hanya melakukan perdagangan kecil-kecilan, mencari keuntungan yang kecil dan hanya sekadar untuk memenuhi keperluan mereka sahaja. Semua pendapatan yang diperolehi dibelanjakan untuk keperluan makan, minum dan permainan muzik yang mengasyikkan dengan gendang kecil yang dipanggil rebana dan seruling yang disebut bangsi.

Manakala pada tahun 1823, pemerintah Inggeris di Pulau Pinang mengirim seorang pegawai tingginya bernama John Anderson untuk mengunjungi negeri-negeri Melayu di sepanjang pesisir timur Sumatera. Tujuannya untuk melakukan perdagangan dengan Pulau Pinang dan mengimport barang industri Inggeris dan sekaligus menghapuskan pengaruh Belanda. Ia menuliskan kisahnya yang dikumpulkan dalam buku *Mission to the East Coast of Sumatera* (Edinburg 1826) yang dipetik oleh (ER.MBY.t.t:9) bahawa sebahagian besar orang-orang melayu menyukai muzik. Lagu-lagu yang dibawakannya antara lain Lagu Dua, Siam, Chantik Manis, Gunong Mas Muar, Amboy Sayang Ayer Pasang, Hati Raja Gunong, Sumbawa, China, Timang Tibang, Samsam, Beranyut, Kuda Lengkong, Raja Beradu, Anak Semang, Timang Kelantan, Minto, Palembang, Melaka, Jawa, Anak Mambang, Dedong, Siak dan Batak.

Berdasarkan catatan John Anderson di atas dapat dikatakan bahawa orang-orang Melayu suka akan muzik dengan lagu-lagu yang dibawakan antara lain Lagu Dua, Cantik Manis, Gunong Mas Muar, Melaka, Anak Mambang dan sebagainya. Kemudian dalam tahun 1915 dicatat oleh J.C. Van Erde yang dipetik oleh ER.MBY yang berbunyi:

“.... yang belakangan ini ditarikan oleh seorang penari wanita bayaran, dinamakan JOGET dan seorang laki-laki dari kalangan hadirin sebagai partnernya sangatlah digemari. Pada pesta-pesta besar JOGET tidaklah boleh ketinggalan.” Nama ronggeng sendiri sebagai salah satu bentuk Seni Tari Melayu sudah ada disinggung di dalam Hikayat Hang Tuah abad ke-15M” (ER.MBY.t.t:10).

Oleh kerana kuatnya pengaruh ajaran Islam di kalangan orang Melayu, gadis-gadis dilarang untuk menari menghibur lelaki di pentas umum. Hal ini mengakibatkan munculnya sekumpulan penari wanita profesional yang pandai menyanyi dan berpantun semasa menari. Fungsi mereka pada masa ini adalah untuk menghiburkan orang ramai khususnya kaum lelaki yang membayar maka adat dan tatasusila tidak lagi dipentingkan. Berikut daripada perkembangan tersebut, melahirkan lebih banyak kumpulan joget yang sedia untuk dijemput untuk menghiburkan orang ramai sambil berjoget atau bertandak sambil mengibing. Tarian tersebut perlu diiringi dengan irama khas yang popular sebagai irama joget yang memiliki ciri yang khusus dalam gaya dan rentaknya. Sebagai kesenian rakyat, muzik pengiringnya adalah lagu-lagu joget yang diiringi oleh biola, gong dan gendang (Edy Sedyawati, 1999:40).

Manakala joget yang berkembang di kalangan kaum nelayan dikenali Joget Dangkung sebagai hiburan mereka di waktu lapang khususnya selepas melaut. Persembahan Joget Dangkung selepas musim melaut dilakukan semasa ritual semah laut khususnya di Daerah Dompak, Moro, Pulau Mantang, Pulau Lingga, Pulau Sugi, Pulau Parit dan Tanjung Batu, Tanjung Balai, Karimun serta Tembeling. Tujuannya adalah untuk memperoleh keselamatan dan setiap kali diadakan melaut

hasil tangkapan adalah lumayan. Ritual ini hampir sama dengan yang dilakukan para petani di Jawa (khususnya di Gunung Kidul, Yogyakarta) iaitu selepas menuai padi. Pada masa itu di Jawa juga lahir kesenian yang sama seperti joget yang dinamakan ronggeng ataupun tayub.<sup>2</sup>

Dengan perubahan masa, tradisi ritual semakin jarang dilakukan. Namun tidak mustahil bahwa kekosongan waktu selepas musim melaut menjadi faktor lahirnya banyak bentuk hiburan. Selepas musim melaut merupakan masa senggang yang panjang dan masyarakat nelayan memerlukan hiburan tarian dan nyanyian. Keadaan kehidupan laut yang memberikan sumber kehidupan dan deburan ombak serta desiran angin menambahkan perasaan nelayan untuk berhibur sambil melakukan *escapism* untuk melepaskan lelah mereka. Oleh itu, berkesenian joget merupakan salah satu hiburan utama untuk tujuan tersebut. Maka, antara tahun 1913 hingga 1963 munculnya kumpulan-kumpulan Joget Dangkung yang sedia untuk dipanggil menghiburkan para nelayan tersebut. Hampir setiap kampung nelayan di daerah tersebut mempunyai penari-penari profesionalnya. Pada masa kerajaan Riau-Lingga, penari-penari joget tersebut merupakan penari yang diberi jaminan hidup yang baik, tetapi selepas kejatuhannya penari-penari terpaksa mencari nafkah dengan berjoget kepada siapa yang mampu membayarnya (Edy Sedyawati, 1992). Walau bagaimanapun, tidak ada catatan rasmi yang menunjukkan perkembangan ini. Kesenian Joget Dangkung yang berkembang di kalangan masyarakat ini walau bagaimanapun tidak hanya dilakukan selepas musim melaut sahaja tetapi juga dilakukan untuk hiburan sempena meraikan sesuatu kejayaan seperti majlis perkahwinan, berkhatan dan sebagainya.

## KUMPULAN-KUMPULAN KESENIAN JOGET DANGKUNG, 1913-1963

Kegemilangan Kesenian Joget Dangkung di Kepulauan Riau sepanjang tahun 1913-1963 telah melahirkan kumpulan-kumpulan Joget Dangkung untuk berkesenian dan menjadi sumber pendapatan mereka. Terdapat beberapa buah kumpulan Joget Dangkung yang cukup terkenal di Kepulauan Riau sepanjang tahun 1913-1963 antaranya adalah Kumpulan Joget Dangkung Sri Batam di Batam, Kumpulan Joget Dangkung di Dompak (1940an), Kumpulan Joget Dangkung di Moro, Kumpulan Joget Dangkung di Pulau Mantang, Kumpulan Joget Dangkung di Pulau Lingga, Pulau Sugi, Pulau Parit, Tanjung Batu, Kumpulan Joget Dangkung di Tanjung Balai Karimun dan Kumpulan Joget Dangkung Tembeling.

### Kumpulan Sri Batam di Batam

Kumpulan Joget Dangkung yang terdapat di Batam dikenali sebagai Sri Batam. Ia diketuai oleh R. Zahar Jordan, 74 tahun (SIJORI Pos, 17 Maret 2002). Kelompok Joget Dangkung Sri Batam ditubuhkan sekitar tahun 1940an. Pada masa tersebut kumpulan ini hanya memainkan tiga buah instrumen sahaja iaitu biola, tambo (sejenis gendang) dan gong yang juga dipanggil sebagai ngajok. Pada masa lalu upahnya lebih kurang 10 kati beras. Menurut Ismail (pencinta joget Dangkung di Batam sekitar tahun 1960an) bahawa setiap hari beliau dapat melihat persembahan Joget Dangkung dan amat menggemari persembahan kumpulan Bapak Zahar. Apabila muzik mula dimainkan, orang ramai akan datang mengunjungi persembahannya dan persembahannya tidak membosankan kerana mereka sentiasa menukar lagunya dan penonton juga boleh turut sama memilih lagu yang digemari.

Maka, muzik atau lagu yang digunakan mengalami perubahan dan ada ketikanya lagu Dondang Sayang<sup>3</sup> tidak dimainkan lagi. Walau bagaimanapun pada pertengahan tahun 1960an, kumpulan di bawah pimpinan Bapak Zahar ini sudah jarang mengadakan persesembahan iaitu sebanyak sekali sahaja dalam masa tiga bulan. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan anggota kumpulan melakukan pekerjaan lain khususnya menjadi nelayan. Ini adalah kerana pekerjaan nelayan bagi mereka adalah mudah dan tidak memerlukan kos dan kemahiran yang tinggi.

### **Kumpulan Joget Dangkung Dompak**

Sekitar pertengahan tahun 1940an, Joget Dangkung juga sudah masuk ke Dompak, sebuah pulau kecil berhampiran kota Tanjungpinang. Pada masa itu di Dompak terdapat sebuah kumpulan Joget Dangkung yang dipimpin oleh Bapak Amin yang dikatakan berasal dari Tanah Merah. Penari-penari kumpulan ini datangnya dari Dompak manakala pemuzik-pemuziknya pula berasal dari daerah Tembeling. Sekitar tahun 1950an kumpulan ini sangat popular di Dompak<sup>4</sup> di mana kumpulan ini mengelilingi Pulau Dompak dan Bapak Amin turut mengiringi mereka waktu bermain. Mengikut Bapak Junaidi, terdapat juga kanak-kanak yang turut mengikuti rombongan kumpulan ini mengadakan persesembahan kerana begitu asyik dengan persesembahan mereka dan kadang-kadang pulang lewat maka sering dimarahi oleh ibubapa mereka. Walau bagaimanapun, Joget Dangkung sudah jarang dimainkan di Dompak menjelang tahun 1960an. Ini mungkin disebabkan pada waktu itu bayaran untuk persesembahan Joget Dangkung tidak lagi mencukupi untuk menyara kehidupan.<sup>5</sup> Kumpulan ini akhirnya tidak bertahan lama di mana pada pertengahan tahun 1960an sudah jarang mengelilingi Pulau Dompak dengan beliau mula kehilangan penari-penarinya kerana ramai yang berkahwin. Berikutnya masalah ini dan bayaran dari persesembahan Joget Dangkung ini yang tidak lagi mencukupi, maka Bapak Amin beralih kerja menjadi nelayan sehingga akhir hayatnya.

### **Kumpulan Joget Dangkung Moro**

Kumpulan Joget Dangkung di Moro ini tidak diketahui milik siapa dan masa ditubuhkan serta pemuzik dan penarinya juga tidak dapat dikenalpasti. Joget Dangkung di Moro dipersembahkan sebaik selepas musim melaut. Menurut salah seorang cucu kepada penari di Moro iaitu Junewal Muchtar, bahawa neneknya menari selepas musim melaut dan beliau tidak mengetahui pemilik kumpulan ini. Mereka menari hanya untuk bersukaria dan begitu juga dengan pemuziknya.<sup>6</sup> Joget Dangkung dapat bertahan di Moro adalah kerana ia dimainkan sebaik selesai musim melaut kerana kebanyakannya mereka yang terlibat adalah kaum nelayan. Bagi mereka yang mempunyai kelebihan, bakatnya akan terserlah dan dikenali dengan bintang joget Daerah Moro seperti Zainah. Beliau yang kini berusia 70 tahun tinggal di Lubuk Semut Tanjung Balai Karimun menyatakan bahawa pada tahun 1940an hingga 1950an ramai orang Moro datang menonton persembahan beliau. Ayahnya juga terlibat dengan Joget Dangkung sebagai pemain biola (piul) dan selalu menasihatinya agar memilih suami dan golongan lelaki yang soleh dan baik hati.<sup>7</sup> Ia diperkuatkan lagi oleh kenyataan Mohd. Lawi (gambar 5), seniman di era tahun 1960an bahawa orang-orang Tanjung Balai Karimun pada masa itu selalu menantikan kemunculan penari yang bernama Zainah yang muda dan cantik serta pandai menari dan menyanyi.<sup>8</sup> Selain daripada mengadakan persembahan selepas musim melaut, kumpulan ini turut mengadakan persembahan di Tanjung

Balai Karimun sempena majlis perkahwinan, berkhatan dan lain-lain. Kumpulan ini juga hanya dapat bertahan sehingga pertengahan tahun 1960an apabila ia jarang diundang untuk mengadakan persembahan. Masyarakat Moro ketika ini juga sudah banyak yang meninggalkan pekerjaan mereka sebagai nelayan dan berhijrah ke tempat lain untuk mencuba nasib di tempat yang baru.

### **Kumpulan Joget Dangkung Pulau Mantang**

Pulau Mantang dikatakan sangat unik dan dianggap sebagai serambi Pulau Penyengat yang menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Riau-Lingga. Ia dianggap sebagai serambi kerana kegiatan ugama berpusat di pulau ini iaitu tempat kedudukan Hakim Ugama sebagai penghulu perkahwinan. Pada masa Kerajaan Riau-Lingga pulau ini akan menjadi kunjungan apabila terdapatnya orang-orang yang hendak menikah. Pulau Mantang juga unik kerana kesenian Joget Dangkung dan Mak Yong turut berkembang di sini. Joget Dangkung berkembang di pulau ini sekitar tahun 1930an hingga 1940an yang dipimpin oleh Bapak Ali Ahmad. Pada masa kini, kesemua ahli kumpulan ini sudahpun meninggal dunia. Menurut salah seorang cucu Bapak Ali Ahmad iaitu Mohd. Hatta (gambar 3) bahawa ayahnya Mansur merupakan seorang pemain tambur. Ayahnya mempelajari bermain tambur daripada Bapak Ali Ahmad yang sangat terkenal sebagai seorang pemain kesenian Joget Dangkung. Beliau begitu terkenal di seluruh Pulau Mantang.<sup>9</sup> Kumpulan ini yang dipimpin oleh Bapak Ali Ahmad sangat harmoni. Antara pemuzik-pemuzik yang bergiat dalam kumpulan ini adalah ayahnya Mansur yang bermain tambur dan biola (piul) dimainkan oleh Raja Abdurrahman dan gong pula dimainkan oleh Kesep. Penarinya terdiri daripada lima orang iaitu Banon, Joyah, Tijah, Sarijah dan Sawinah yang kesemuanya sudah meninggal dunia.

### **Kumpulan Joget Dangkung Pulau Lingga, Pulau Sugi, Pulau Parit dan Tanjung Batu**

Seperti juga kelompok Joget Dangkung di Pulau Moro yang tidak dapat diketahui pimpinannya, demikian juga dengan keberadaan kelompok Joget Dangkung di Pulau Lingga, Pulau Sugi, Pulau Parit dan Tanjung Batu. Secara umum, mereka bermain bila ada jemputan majlis perkahwinan dan majis berkhatan. Persembahan Joget Dangkung ternyata turut dipersembahkan pada setiap hujung minggu di pesisir pantai untuk hiburan para nelayan iaitu di Pulau Lingga, Pulau Sugi, Pulau Parit dan Tanjung Batu.<sup>10</sup> Lagu-lagu yang dibawakan Dondang Sayang, Cik Milik dan sebagainya. Menurut Mohd. Lawi, sehingga sekarang beliau masih lagi dapat menghafal syair-syair lagu itu, kerana beliau pun sering berkeliling pulau dan ikut menikmati permainan kelompok Joget Dangkung di keempat-empat daerah itu. Keempat-empat kumpulan ini juga seringkali mendapat jemputan dari masyarakat Tanjung Balai Karimun.

### **Kumpulan Joget Dangkung Tanjung Balai Karimun**

Hasil daripada temubual dengan seniman-seniman di Tanjung Balai Karimun, pada era 1940an hingga 1950an, terdapat sebuah kumpulan Joget Dangkung yang dikenali sebagai Kumpulan Joget Dangkung Tanjung Balai Karimun. Walau bagaimanapun, kumpulan ini tidak begitu masyhur berbanding dengan Kumpulan Joget Dangkung Pulau Lingga, Sugi, Moro, Tanjung Batu dan Parit kerana kumpulan-kumpulan ini sering bermain di Tanjung Balai Karimun. Bapak Mohd. Muin seorang seniman di Tanjung Balai pada tahun 1950an menyatakan bahawa

Joget Dangkung di Tanjung Balai Karimun hanya terdapat sebuah kumpulan berbanding dengan pulau-pulau lain, maka ia tidak dapat menandingi kehebatan persembahan kumpulan-kumpulan tersebut. Walaupun begitu, kumpulan ini masih juga mendapat sambutan kerana minat masyarakat Tanjung Balai Karimun dengan Joget Dangkung apatah lagi apabila dimainkan oleh masyarakat tempatan. Oleh kerana minat yang mendalam terhadap kesenian ini, ramai kalangan masyarakat Tanjung Balai Karimun bernikah dengan pemain Joget Dangkung baik yang berada di Tanjung Balai Karimun maupun dari kumpulan yang datang dari daerah-daerah lain seperti Pulau Lingga, Sugi, Moro, Tanjung Batu dan Parit.<sup>11</sup>

### Kumpulan Joget Dangkung Tembeling

Kumpulan Joget Dangkung di Tembeling tidak hanya terkenal di Daerah Tembeling tetapi di keseluruhan Kepulauan Riau. Antara tahun 1913-1963, terdapat sebanyak empat buah kumpulan Joget Dangkung di Tembeling. Secara tidak langsung, Tembeling dapat dikatakan sebagai pusat kepada perkembangan Joget Dangkung khususnya sejak berakhirnya Kerajaan Riau-Lingga. Tembeling terletak kira 35km dari Kepulauan Riau merupakan sebuah desa yang tidak banyak mengalami perubahan fizikal dengan rumah-rumah nelayan masih seperti dahulu dengan rumah bertiang yang rapat-rapat. Desa ini seluas 48.2km persegi dengan Desa Bintan terletak di sebelah utara dan Kampung Bugis di sebelah selatan, Desa Penaga di sebelah barat dan Desa Tuapaya di sebelah timur. Keadaan geografi desa ini berupa dataran dan berbukit bukit. Rata-rata penduduknya bekerja sebagai nelayan yang diwarisi sejak turun temurun lagi.

Kumpulan Joget Dangkung yang terkenal di Tembeling diketuai oleh Konyot yang juga amat popular di Kepulauan Riau dengan penyanyi dan penarinya yang amat terkenal pada masa itu bernama Mak Wet yang memulakan kariernya pada usia sepuluh tahun. Mak Wet pada masa ini telah menggantikan kemasyhuran Sari dari Kumpulan Joget Dangkung di Tanjungpisau-Penage. Kumpulan Joget Dangkung yang diketuai oleh Konyot ini bertahan lama iaitu dari masa pendudukan Belanda, Jepun sehingga masa serangan tentera Belanda I dan II. Dengan Mak Wet sebagai primadona Joget Dangkung pada masa itu, kumpulan ini telah mengelilingi kampung-kampung di Kepulauan Riau dengan anggotanya yang lain dengan membawa sekali alat-alat kesenian dan barang keperluan dapur untuk memasak sejak tahun 1920an lagi. Sehingga tahun 1930an, Kumpulan Joget Dangkung sudah sangat terkenal di keseluruhan Kepulauan Riau di bawah pimpinan Arif dan keberadaan Mak Wet sebagai primadona Joget Dangkung sudah mencapai kemuncaknya. Kumpulan ini masih lagi bertahan hingga tahun 1940an yang masih dibawah pimpinan Arif. Kumpulan ini telah mula merantau ke pulau-pulau lain dengan menggunakan sampan dan tempoh perantauan kadang-kadang memakan masa selama sebulan yang sampai ke pulau-pulau seperti Karas, Tanjung Uban, Belakang Padang, Nongsa dan lain. Persembahan di sesuatu tempat adalah selama tiga hingga lima hari. Walau bagaimanapun, tempoh permainan bergantung atas sambutan pengunjung.

Keadaan agak malang pada masa pendudukan Jepun antara tahun 1942-1945. Keadaan sosio-ekonomi adalah tidak menentu dan menyediakan sekali kerana kesukaran untuk mendapatkan bahan makanan asas dan pakaian tidak berganti. Walau bagaimanapun, Kumpulan Joget Dangkung Tembeling masih terus menjalankan permainan joget mereka. Begitu juga semasa serangan militer Belanda I dan II permintaan ke atas persembahan Joget Dangkung masih berterusan

sehingga tahun 1963 di mana mereka mampu untuk mengumpul wang sebanyak seratus ringgit dan boleh membeli keperluan asas dan perhiasan daripada emas. Selepas tahun 1963, kepimpinan Kumpulan Joget Dangkung ini bertukar kepada Bati. Keadilan yang ditunjukkan oleh Arif diteruskan oleh beliau khususnya dalam pembahagian pendapatan yang sama rata dan ini membuatkan ahli kumpulan sentiasa berpuas hati dan keharmonian sentiasa terpelihara. Kumpulan ini terdiri daripada tiga orang pemuzik, biola (piul) oleh suami Mak Wet, gong oleh Botak dan gendang oleh Atan. Manakala penarinya pula selain daripada Mak Wet adalah Mainah, Menah dan Timah, Ciamah, Slamah dan Slimah yang merupakan adik beradik kandung Mak Wet.

### **Primadona Joget Dangkung**

Memandangkan bahawa Joget Dangkung sangat popular antara tahun 1913-1963 menyebabkan munculnya kumpulan-kumpulan Joget yang sangat popular sehingga melahirkan beberapa orang bintang atau primadona Joget Dangkung antaranya adalah Mak Wet. Beliau dilahirkan pada tahun 1913 sebagai Fatimah hasil perkahwinan antara Komeng dan Zainab dari Tembeling. Pada waktu kecil, Fatimah sangat comel dan diberi nama timangan oleh kedua orangtuanya sebagai Wet. Sewaktu beliau berusia setahun enam bulan, ibunya meninggal dunia. Oleh kerana menghadapi kesukaran untuk membesarakan anak-anaknya iaitu Mak Wet, Ciamah, Slimah dan Slamah, Komeng menyerahkan anak-anaknya untuk dipelihara oleh mertuanya, Lasim dan Genta.

Semenjak itu, Mak Wet dan ketiga-tiga orang saudara kandungnya dapat dikatakan jarang berhubungan dengan ayahnya lagi, hanya sesekali apabila kebetulan mereka berjumpa pada acara-acara tertentu di kampungnya. Maka, Mak Wet dan ketiga-tiga saudara kandungnya lebih rapat dengan keluarga sebelah ibunya. Sewaktu dalam asuhan datuk dan neneknya, Mak Wet belajar menyanyi dan menari Joget Dangkung. Setiap malam, sewaktu mereka berkumpul dengan anggota keluarga di rumah waktu itulah mereka melakukannya. Pada waktu-waktu lapang juga Mak Wet meniru gaya nyanyian dan tarian yang ditonton olehnya. Lama kelamaan beliau pandai menyanyi dan menari pada waktu usia yang sangat muda dan tidak berasa segan dan malu apabila diminta oleh datuk dan neneknya untuk menyanyi dan menari. Akhirnya, pada waktu usia sepuluh tahun, beliau mula mengganggotai kumpulan Joget Dangkung iaitu Kumpulan Joget Dangkung Tembeling yang diketuai oleh Konyot yang sangat terkenal di daerah Kepulauan Riau pada masa itu. Kelebihan yang ada pada masa ini adalah kelebihan Mak Wet dan Konyot yang sangat mahir dengan tarian dan vokal serta pantun yang merupakan modal utama bagi setiap penyanyi dan penari Joget Dangkung.

Oleh kerana bakat dan gaya nyanyian serta tariannya yang sangat baik, Mak Wet bersama tiga orang adik beradiknya menjadikan Joget Dangkung sebagai sumber pendapatan. Mak Wet yang paling menonjol sebagai seorang bintang Joget Dangkung pada masa tersebut berbanding ketiga-tiga orang adik beradiknya. Mak Wet juga mempunyai kelebihan dari segi paras rupa kerana beliau telah mendapat ilmu seri muka, ilmu suara dan ilmu perindang suara. Ketiga-tiga ilmu tersebut merupakan faktor utama yang dapat menaikkannya sebagai seorang primadona Joget Dangkung seperti yang terdapat dalam jadual 1.

### Jadual 1: Ilmu-ilmu Primadona Mak Wet Sebagai Primadon Joget Dangkung

Ilmu Seri Muka	Ilmu Suara	Ilmu Perindang Suara
Bismillah....	Piru, Berain, Berair	Seitala Sri Pohon
Sirih Hawe Berhawe	Barang dilarang, barang dipaku	Aku naik Monde Loke
Sirih Sipat Urat dan Kuta	Para sekalian Muhammad,	Tidak Jelas orang berdusun
Sendi Menyendi Seri Laut	Tunduk kasih sayang kepadaku	Aku pake Perindang perindu
Aku Pake Berkat doa,	Harus Mudik Badang	Pemanis Mata
Cahaya Fatimah Sri Pulang ke tubuh	Salangkan, Petahan	Manis Bunga
Cahaya pulang ke muka	Mendengar suaraku	Manis lagi lagi mukaku
Cahaya Allah Cahaya	Seperti Nabi Daud	Manis Bulan Manis Lagi
Muhammad	Elok seperti Nabi Yusuf	Rupaku
Cahaya Bedinda	Cantik seperti Nabi Muhammad	Manis Matahari
Rasul Allah	Kusemangati sekalian umat Muhammad	Manis Lagi Rupaku
Sirih kuning	Tunduk Kasih Sayang	Rimau Beranak
Gagang Kuning,	Cinta Berahi	Muda Salangkan
Orang Beramal Tiang Kaca	Siang dan Malam	Sujud Menyembah
Mukaku kuning Macam matahari	Laila Muhammad Rasul Allah	Tapak Aku Yang Terbuang
Menyamar muda		Ini pula sekalian umat Muhammad
Sirih pulang ke muka		Tunduk Kasih Sayang
Cahaya Allah		Cinta Berahi
Cahaya Muhammad		Siang dan Malam Padaku
Cahaya Bedinda		
Rasul Allah		

Sumber: Temubual bersama Mak Wet

Mak Wet bernikah dengan Atan pada tahun 1927, namun perkahwinan ini tidak kekal lama yang berakhir dengan perceraian pada tahun 1929. Sewaktu bergelar isteri, kegiatan kesenian Mak Wet terbatas. Ternyata bahawa pada waktu itu Mak Wet belum lagi bersedia sepenuhnya untuk mendirikan rumah tangga, maka beliau tidak bersedia dari segi mental dan fizikal. Pada waktu menjadi janda kembang<sup>12</sup> Mak Wet kembali aktif melibatkan dirinya sebagai sebagai penyanyi dan penari Joget Dangkung dan namanya semakin dikenali masyarakat Kepulauan Riau sebagai penari joget profesional. Kemasyhuran Mak Wet terbukti apabila Kumpulan Joget Dangkung Tembeling yang tampil tanpanya, penonton sangat kecewa dan menganggap persembahan tersebut tidak lengkap. Manakala di pihak Mak Wet, kesenian Joget Dangkung lama-kelamaan menjadi sebat dengan dirinya yang akhirnya membuatkan Mak Wet sebagai seorang primadona dalam kumpulannya. Keserasian Mak Wet dengan kesenian ini dikuatkan lagi apabila beliau bertemu jodoh dengan pemain biola Joget Dangkung, Jali pada tahun 1940. Ikatan percintaan mereka dikuatkan lagi sejak Mak Wet bergelar janda kembang dan pada masa ini masing-masing juga cuba menunjukkan bakat dan semangat yang tinggi pada setiap persembahan yang ditampilkan. Kedua-dua mereka dan kumpulan Joget Dangkung yang disertai mendapat sambutan yang hangat pada setiap kali menampilkan persembahan.

Perkahwinan mereka dikurniakan dengan enam anak iaitu Joyah, Oyah, Katijah, Aliyah, Tahir dan Alimah. Anak-anak mereka sentiasa dididik dengan baik,

menanamkan ajaran untuk sentiasa bersifat jujur dan bersopan kepada setiap orang. Mereka juga sering mendidik anak-anak dengan penuh kesabaran dan kasih sayang dan hasilnya anak-anak mereka sangat mengerti apa yang dikehendaki oleh kedua orang tua dan sentiasa mematuhiinya. Kedua-dua pasangan ini telah dikurniakan sembilan orang cucu hasil perkahwinan putera-puterinya.

**Gambar 1 & 2: Mak Wet Waktu berusia 20 tahun dan berusia 92 tahun pada tahun 2004**



Sumber: Koleksi Mak Wet (1970) dan kajian lapangan 2004

Mak Wet dan Jali tidak dapat berharap sepenuhnya daripada Joget Dangkung untuk menampung keperluan hidup. Keadaan tidak dapat dipertahankan lagi apabila pada tahun 1984 Jali terpaksa berhijrah ke Malaysia untuk mencari sumber pendapatan yang lain. Malangnya, pemergian Jali tidak dapat diketahui kerana ia menghilang tanpa khabar berita dan tidak diketahui apakah perkembangan Jali sehingga kini. Mak Wet terpaksa memikul tanggungjawab sebagai pencari rezeki bagi keluarga dengan berjualan kuih muih kepada para pekerja PT. Antam Bouksit yang beroperasi di Tembeling. Beliau mula menyediakan kuih muih seawal jam 4.00 pagi dan menjualnya pada pukul 7.00 pagi dan pulang ke rumah pada jam 4.00 petang untuk mengurus anak-anak pula.

Pada usianya yang telah agak lanjut, Mak Wet meneruskan minatnya dalam kesenian dengan turut menganggotai kumpulan Mak Yong. Beliau turut mengadakan persembahan ke daerah-daerah lain seperti Moro, Sugi dan sekitarnya. Beliau turut mengambil peranan Puteri Raja (Puteri Makyong) apabila bermain dalam Mak Yong. Antara cerita-cerita Mak Yong yang beliau pernah terlibat adalah Puteri Timun Muda, Gunung Intan, Tuan Puteri Ratna Mas dan Bungsu Sakti. Mak Wet menguasai persembahan Mak Yong dengan baik dan sering diundang untuk memainkan Mak Yong terutamanya pada masa-masa perayaan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos malah dalam perayaan Kota Tanjungpinang. Pada tahun 1993 ia bersama Kumpulan Mak Yong Bintan Timur pimpinan Atan Rahman

melakukan rakaman Mak Yong yang ditaja oleh Ford Foundation di bawah pimpinan Philip Yampolsky seorang ahli etnomusikologi dari Amerika Syarikat.

Tahun 1997, diusianya yang ke-85 dalam kehidupan sehari-harinya ia tetap dekat dengan dunia kesenian tari yang menjadi tukang masak pada saat joget Mustika Tembeling melakukan pertunjukan keliling. Pada masa ini anak dan menantunya yang turut terlibat sebagai pemainnya iaitu Murad isteri kepada Oyah dan anak kelimanya Tahir. Oleh yang demikian, Mak Wet tidak jauh dari kesenian joget. Menurutnya, beliau merasa aman dan tenang ditengah-tengah kesenian ini walaupun hanya sebagai tukang masak, tetapi paling tidak dapat melihat perkembangan kesenian joget dari masa ke masa. Beliau meninggal dunia pada 1hb September 2004 kerana sakit tua sewaktu berusia 92 tahun.

## PERKEMBANGAN JOGET DANGKUNG SELEPAS TAHUN 1963

Selepas ketiga-tiga keturunan Mak Wet dari Tembeling tidak wujud lagi kumpulan Joget Dangkung tradisional yang terkenal di Kepulauan Riau. Joget Dangkung tradisional perlahan-lahan beralih ke Joget Dangkung moden. Peralatan muzik yang digunakan mulai mengalami perubahan. Pada perkembangan awal, peralatan muzik yang digunakan adalah piul, gendang dan gong namun kemudiannya memasukkan peralatan muzik yang baru iaitu *accordion* dan gitar. Fenomena ini menampakkan kumpulan muzik telah berkembang kepada kumpulan muzik *band*. Manakala, perubahan yang berlaku kepada nama Joget Dangkung hanya disebut dengan nama Joget sahaja. Ia akan dipanggil dengan nama Joget Dangkung apabila peralatan muzik yang digunakan hanya gendang dan gong. Perkembangan baru ini telah melahirkan beberapa buah kumpulan Joget Dangkung di samping beberapa buah kumpulan yang sedia ada meneruskan kegiatan kesenian ini. Antara kumpulan-kumpulan Joget Dangkung yang berkembang selepas tahun 1963 adalah Kumpulan Joget Trikora di Pulau Mantang, Kumpulan Joget Tanjung Balai Karimun, Kumpulan Joget "Sempena Grup" di Tembeling, Kumpulan Joget Sri Bintan di Batam dan Kumpulan Joget Dangkung Sri Dompak di Dompak.

### Kumpulan Joget Trikora Pulau Mantang

Kumpulan ini diwujudkan sekitar tahun 1965 di bawah pimpinan Bapak Dullah Samad (gambar 4). Pemuzik yang pernah bersama kumpulannya terdiri daripada Atan, Mentius, Atet dan Hasan manakala penarinya adalah Raja Gaya, Dare, Swase, Fatimah, Aliyah dan Bonah. Kumpulan ini menggunakan peralatan muzik *accordion*, biola, gitar dan gendang. Kumpulan Trikora boleh dikatakan sebagai sebuah kumpulan Joget Dangkung moden kerana berbanding kumpulan joget lain sezaman dengannya terutama kumpulan di Pulau Mantang. Kumpulan ini turut mengadakan rombongan keseniannya di beberapa daerah lain baik yang dekat maupun jauh sehingga ke daerah Pulau Tujuh.

Bapak Dullah Samad menggambarkan bahawa keadaan Kumpulan Joget Trikora pada masa kejayaannya pada tahun 1960an, sehingga bermain sebanyak empat kali seminggu. Mereka mengenakan busana Melayu baju putih lengan panjang, celana panjang hitam dan berdasit hitam untuk kaum pria begitu juga dengan penari wanita yang turut memakai busana Melayu yang beraneka warna yang turut mengenakan sanggul siput berhiaskan bunga. Persembahan keseluruhannya telah berubah yang tidak lagi memulakannya dengan Dondang

Sayang, tetapi terus menyanyikan lagu-lagu Melayu dan berjoget hingga selesai.<sup>13</sup> Kumpulan ini tidak lagi aktif menjelang tahun 1970an kerana kebanyakan anggota kumpulannya berkahwin terutama di kalangan penari-penarinya. Akhirnya kumpulan ini dikatakan “mati” dengan kebanyakan ahli-ahlinya kembali menjadi nelayan.

### Kumpulan Joget Tanjung Balai Karimun

Kumpulan ini ditubuhkan sekitar tahun 1963. Kumpulan Joget Tanjung Balai Karimun dikatakan sebagai kumpulan yang turut mengadakan struktur baru dalam persembahan seperti yang dilakukan oleh Kumpulan Joget Trikora iaitu memulakan Joget Dangkung, dengan terus menyanyikan lagu-lagu Melayu.<sup>14</sup> Ini menunjukkan bahawa kumpulan ini turut menggunakan peralatan muzik moden dalam persembahan mereka. Menurut Moh Lawi Kumpulan Joget Tanjung Balai Karimun ini memang ternyata berbeza dengan persembahan Joget Dangkung di pulau-pulau sekitar Tanjung Balai Karimun tahun 1940an dan 1950an.

Gambar 3: Mohd. Hatta (65 tahun)



Sumber: Kajian lapangan (2006)

Gambar 4: Dullah Samad (67 tahun)



Sumber: Kajian lapangan (2006)

Gambar 5: Mohd. Lawi (65 tahun)



Sumber: Kajian lapangan (2006)

Gambar 6: Mak Dare (45 tahun)



Sumber: Kajian lapangan (2004)

### **Kumpulan Joget "Sempena Grup" Tembeling**

Kumpulan Joget Dangkung di Tembeling pada sekitar tahun 1980an sudah tidak wujud lagi. Namun munculnya fenomena baru di mana terdapatnya kumpulan baru yang muncul pada setiap majlis perkahwinan, majlis khatan dan sebagainya. Dengan menamakan kumpulan sebagai "Sempena Grup" kumpulan ini tidak mengikut struktur yang wujud pada Joget Dangkung. Walau bagaimanapun, lagu-lagu yang dimainkan kebanyakannya adalah lagu-lagu Melayu. Memandangkan masyarakat sudah mula senang dengan lagu-lagu baru khususnya dangdut, lagu-lagu ini turut diselitkan dalam persembahan mereka. Kumpulan ini mengenakan bayaran apabila ada keinginan beberapa orang penonton untuk turut menari bersama mereka. Sistem jualan tiket diadakan dengan harga lebih kurang Rp.1.000-2.000. Penari-penari mendapat bayaran mengikut jumlah tiket yang terjual dengan pembahagian sama rata antara pemuzik-pemuzik dan penari-penari. Penari-penari dan pemuzik-pemuzik juga akan mendapat wang yang terkumpul daripada persembahan yang diadakan untuk menyelenggarakan majlis perkahwinan dan majlis khatan tersebut.

### **Kumpulan Joget Sri Bintan Batam**

Perkembangan Joget Dangkung yang sangat pesat di Batam sebelum tahun 1963 dimunculkan lagi dengan penubuhan kumpulan Joget Sri Bintan pada tahun 1984. Ia didirikan oleh Kumpulan Muzik Melayu Sri Bintan yang dipimpin oleh M Saptono. Menurut beliau, perkembangan awal Joget Dangkung ini dilakukan oleh orang-orang Melayu dari Medan. Dengan perkembangan yang berlaku, kesenian ini turut dibawa masuk ke pulau-pulau lain di daerah-daerah seperti Batam, Tanjungpinang, Karimun, Moro, Tanjungbatu dan sampai ke Kepulauan Natuna serta Pulau Tujuh.

### **Kumpulan Joget Dangkung Melayu Sri Dompak**

Kumpulan Joget Dangkung Sri Dompak muncul kembali pada tahun 1999, di bawah pimpinan Mak Dare (gambar 6). Kemunculan kumpulan ini mengisi kekosongan yang sekian lama menyepi di Kepulauan Riau. Mak Dare sebelumnya menjalani kehidupan sebagai seorang petani mendirikan semula kumpulan dengan anggotanya terdiri daripada 14 orang. Walau bagaimanapun, kadang-kadang ahli yang melakukan persembahan kurang kerana masalah komunikasi dan jadual persembahan yang tidak menentu. Mak Dare berminat untuk menghidupkan kembali kesenian Joget Dangkung pada masa ini kerana minat yang ditanamnya sejak kecil lagi di mana beliau sering menonton persembahan kesenian ini. Minatnya juga turut didorong oleh iparnya yang turut pernah bermain joget ini. Atas dorongan inilah, Mak Dare dan adiknya Dahari berusaha untuk membangunkan semula kesenian Joget Dangkung dengan nama Kumpulan Joget Dangkung Melayu Sri Dompak yang sangat popular pada masa itu.

Peringkat awal penubuhan kumpulan ini dengan hanya meminjam peralatan muziknya dari Tembeling. Manakala penari-penari datangnya dari kawasan yang berhampiran iaitu Batu 8, Kijang, Selat Bintan dan Dompak. Alasannya adalah untuk mengurangkan kos beliau. Dalam mengembangkan kumpulannya, beliau turut mendapat bantuan dari *Riau Post* di mana beliau pernah mendapat kebenaran untuk menginap di belakang pejabat tersebut. Kemudian, kumpulan ini diundang untuk melakukan persembahan di Pekanbaru iaitu di Pejabat Daerahnya. Kumpulan ini dihadiahkan alat muzik biola daripada Walikota Tanjungpinang,

Suryati A. Manan selepas persembahan. Kumpulan ini masih mengekalkan tradisi kesenian Joget Dangkung dengan menggunakan peralatan muzik aslinya iaitu gendang, biola dan gong serta tamburin. Kumpulan Mak Dare ini turut mengadakan persembahan hingga ke wilayah Karas Lagoi kerana memenuhi permintaan mengadakan persembahan untuk majlis perkahwinan dengan bayaran upahnya sebanyak Rp.300.000 semalam dengan kos pengangkutan dan penginapan ditanggung oleh pihak penganjur.

Struktur persembahan kumpulan ini dimulai dengan tabik kemudian diikuti dengan lagu Dondang Sayang dan Serampang laut. Lagu yang selanjutnya bergantung atas permintaan para penonton yang datang menyaksikan persembahan. Kumpulan ini turut juga menerima arus perkembangan dan perubahan di mana peralatan muzik yang digunakan lama-kelamaan ditambah kepada alat-alat muzik akustik seperti gitar, terompet, biola, gendang dan sebagainya. Manakala lagu-lagu yang dimainkan pula turut ditambah dengan lagu-lagu baru yang popular pada masa itu iaitu lagu-lagu pop dan juga dangdut. Penari-penari pula tidak lagi memakai busana yang khusus iaitu kebaya pendek dan kain batik. Pada masa ini, joget yang ditarikan boleh dipanggil sebagai Joget Moden.

## KESIMPULAN

Joget Dangkung yang pada asalnya dikenali sebagai Joget merupakan alat hiburan di kalangan masyarakat nelayan Melayu di Kepulauan Riau. Pada awalnya, persembahan dilakukan selepas musim melaut iaitu semasa ritual semah laut atau ritual pemujaan laut. Kebanyakannya dilakukan di daerah-daerah Dompek, Moro, Pulau Mantang, Pulau Lingga, Pulau Sugi, Pulau Parit, Tanjung Batu, Tanjung Balai Karimun dan Tembeling. Kemasyhuran kesenian Joget Dangkung di daerah-daerah tersebut menyebabkan munculnya kumpulan-kumpulan yang mengadakan persembahan joget ini khususnya di antara tahun 1913-1963.

Walau bagaimanapun selepas tahun 1963, kesenian Joget Dangkung yang mementingkan aspek-aspek kesenian tradisional telah mula beralih kepada kesenian Joget yang memasukkan elemen-elemen moden seperti lagu-lagu, peralatan muzik serta kostum yang dipakai ketika menarikan tarian ini. Bagi alatan muzik, Joget Dangkung yang baru ini tidak hanya bergantung kepada biola, gendang dan gong tetapi telah mula menggunakan alat muzik *accordion* dan gitar. Dengan kemunculan kumpulan gitar rancak atau kugiran, kebanyakan kesenian ini turut memasukkan permainan lagu dan tarian Joget Dangkung yang kemudiannya menyebabkan Joget Dangkung ini kadang-kadang dipanggil dengan nama Joget sahaja. Namun demikian, nama Joget Dangkung akan turut disebut dengan permainan tersebut menggunakan alat muzik gendang dan gong.

## Nota Hujung

---

<sup>1</sup> Istilah *ngibing* seringkali juga diucapkan dengan kata *ngebeng*. Namun kedua-duanya mempunyai makna yang sama iaitu menarik wang daripada tamu lelaki yang menari bersama penari joget.

<sup>2</sup> Temubual dengan Junewal Muchtar (45) di Tanjungpinang pada 1 Mac 2004 yang merupakan seniman dan penyair nasional Kepulauan Riau iaitu cucu pemain Joget Dangkung di Moro. Beliau mengatakan bahawa neneknya di Moro pernah berkata bahawa setiap kali diadakan ritual melaut dan hasil tangkapan ikan banyak jumlahnya, maka diadakan upacara semah laut.

<sup>3</sup> Temubual dengan Ismail (78 tahun) di Batam, 26 February 2004.

<sup>4</sup> Temubual dengan Bapak Junaedi (65 tahun) di Dompak, 27 Februari 2004 yang merupakan seorang nelayan di Pulau Dompak menggambarkan bahawa kumpulan Joget Dangkung pimpinan Bapak Amin popular sewaktu beliau masih kecil iaitu berumur lebih kurang lima tahun.

<sup>5</sup> Temubual dengan Junaedi (65 tahun) di Dompak, 27 February 2004.

<sup>6</sup> Temubual dengan Junewal Muchtar (45 tahun) di Tanjungpinang, 28 February 2004.

<sup>7</sup> Temubual dengan Zainah (70 tahun) di Lubuk Semut Tanjung Balai Karimun, 25 Mac 2006.

<sup>8</sup> Temubual dengan Mohd. Lawi ( 65 tahun) di Lubuk Semut Tanjung Balai Karimun, 26 Mac 2006.

<sup>9</sup> Temubual dengan Mohd. Hatta (65 tahun) di Pulau Mantang, 24 February 2006.

<sup>10</sup> Temubual dengan Mohd. Lawi (65 tahun) di Tanjung Balai Karimun, 26 Mac 2006.

<sup>11</sup> Temubual dengan Mohd. Muin (67 tahun) di Tanjung Balai Karimun, 26 Mac 2006.

<sup>12</sup>Janda yang belum mempunyai anak dan tergolong masih muda iaitu dikenali sebagai janda berhias di Malaysia.

<sup>13</sup> Temubual dengan Dullah Samad (67 tahun) di Pulau Mantang, 24 Mac 2006.

<sup>14</sup> Temubual dengan Mohd. Lawi (65 tahun) di Tanjung Balai Karimun, 26 Mac 2006.

## RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1985.
- Edi Sedyawati. *Kumpulan Makalah (1993-1995)*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. 1995.
- Edy Sedyawati & Sapardi Djoko Damono. *Seni Dalam Masyarakat Indonesia Bunga Rampai*, Jakarta: PT. Gramedia. 1983.
- Ediruslan Pe Amanriza. *Seni Pertunjukan Tradisional (Teater Rakyat) Daerah Riau*. Pekanbaru. 1993.
- E.R MBY, *Seni Tari*, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Direktorat Jenderal Kebudayaan. Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Tanjungpinang.

Hasan Junus, DKK. *Pengungkapan dan Pengkajian Naskah Syair Pekawinan Anak Kapitan Cina dan Syair Perkawinan Anak Si Komeng*, Bagian Proyek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Melayu Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Pekanbaru. 1989.

Hooker, Virginia Matheson. *Tuhfat Al-Nafis Sejarah Melayu – Islam*, Penterjemah Pengenalan Ahmad Fauzi Basri, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992.

Ismail Hamid. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1988.

Jaafar Mampak. "Seni Tari Melayu dalam Usaha mewujudkan indentiti kebangsaan" dalam *Asas Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Sukan. 1973.

Koleksi Etnografi Daerah Riau. Proyek Pengembangan Permuseuman Riau Tahun 1982/1983. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Jenderal Kebudayaan.

Mohd. Anis Md Nor. *Asian Dance Voice Of The Millennium. Asia Pasific Dance*, Kuala Lumpur: University of Malaya. 2000.

Mohd. Taib Osman. *Masyarakat Melayu Struktur, Organisasi dan Manifestasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1977.

Muchtr Lutfi, et. ed. *Sejarah Riau*. Pekanbaru: Percetakan Pekanbaru. 1977.

Netscher, E. "Beschrijving van een gedeelte der residentie Riouw". *TBG.II.(1854)*. 108-270.

Netscher, E. "Togtjes in het gebied van Riouw en onderhoorigheden". (*TBG.XII.1862*). 1-23; 340-351.

Netscher, E. *De Nederlenders in Djohor en Siak. Batavia*. 1987.

R. Moh. Ali. *Surat-surat Perjanjian antara Kesultanan Riau dengan Pemerintahan VOC dan Hindia Belanda 1784-1909*. Cetakan Pertama. Djakarta: Arsip Nasional Republik Indonesia. 1970.

Refrisul. *Kesenian Rakyat Daerah Kepulauan Riau*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Jenderal Kebudayaan, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Tanjungpinang. 1993/94.

Read, Herbert. *Art and Society*. London: Faber and Faber. 1995.

Rookmaker, H.R. *Modern Art and The Death of a Culture*, England: Inter Varsity Press. 1970.

Raja Ali Haji. *Tuhfat al-Nafis (Sejarah Riau Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864)*. Kerjasama Dinas Pariwisata Kabupaten Kepulauan Riau Dengan Yayasan Khazanah Melayu. 2002.

SIJORI Pos, 17 Maret 2002.

- Sumandiyo Hadi. *Pasang Surut Tari Klasik Gaya Yogyakarta Pembentukan-Perkembangan-Mobilitas*. Yogyakarta: Lembaga Institute Seni Indonesia Yogyakarta. 2001.
- Sartono Kartodirjo. *Pembangunan Bangsa Tentang Nasionalisme, Kesadaran dan Kebudayaan Nasional*. Cetakan Pertama. Yogyakarta: Aditya Media. 1994.
- Said Parman. *Modernisasi dan Pemasyarakatan Tari Riau. Makalah Panel Diskusi Pengembangan Kesenian Daerah Dalam Rangka Menunjang Kepulauan Riau Sebagai Daerah Tujuan Wisata*, 5 Januari 1990.
- Selo Soemardjan. *Perkembangan Kebudayaan Nasional dan Daerah di Indonesia*. Budaya Jaya, No. 131 Th. Kedua belas, Jakarta: Gramedia. 1979.
- Schot, J.G, "Bijdrage tot de kennis va Oud Bintan." *TBG*.XXXII.(1889). 602-61.
- Sal Murgiyanto, MA, *Seni Tari Melayu : Struktur dan Refleksi Keindahan*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional Jakarta (t.t)
- Sindu Galba DKK. *Sejarah Kerajaan Riau Lingga*. Bappeda Kabupaten Kepulauan Riau dengan Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Tanjungpinang. 2001.
- Sita Rohana. *Tari Melemang Mencari Identitas di Tengah Puing-puing Sejarah*. Laporan Penelitian Kebijakan Kebudayaan Di Masa Orde Baru Kerjasama Pusat Penelitian dan Pengembangan Kemasyarakatan dan Kebudayaan – LIPI dengan Ford Foundation. Jakarta. 2001.
- Tengku Lukman Sinar, SH. *Pengantar Etnomusikologi dan Tarian Melayu*. Medan: Percetakan Perwira. 1990.
- U.U. Hamidy. *Perantau Jawa di Daerah Riau*. Pekanbaru: UIR Press. 1992.
- Urai Husna Asmara. *Peralatan Hiburan Dan Kesenian Tradisional Daerah Kalimantan Barat*. Pontianak: Fahruna Bahagia. 2003.
- Y. Andaya, Leonard. *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi Dan Politik*. Terjemahan Shamsudin, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.